

Kempen “Simpan Duit Raya, Tambah Duit Raya!” 2024 (“Kempen”)


Terma dan Syarat

Kempen ini bermula pada 00:00 jam (GMT + 8) 15 April 2024 dan berakhir pada 23:59 jam (GMT+8) 31 Mei 2024 (“Tempoh Kempen”). ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlakanya.

Bagi pelaburan unit amanah ASB & ASB2

Kelayakan:

1. Pemegang unit yang membuat pelaburan pertama dalam tabung unit amanah ASNB terpilih (“Unit Amanah”) melalui platform myASNB (“Platform myASNB”) semasa tempoh kempen layak untuk menerima duit raya dalam bentuk unit pelaburan di ASB.
2. Senarai Unit Amanah ASNB yang terpilih adalah:
 - i. Amanah Saham Bumiputera (ASB)
 - ii. Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2)
3. Pemegang unit perlu memasukkan kod rujukan **DUITRAYA** di platform myASNB semasa membuat pelaburan, seperti di bawah:



4. Hadiah duit raya daripada pihak ASNB adalah berdasarkan nilai pelaburan, seperti di bawah:

Tahap	Nilai pelaburan pertama semasa tempoh kempen	Jumlah pemenang	Duit Raya daripada ASNB (unit ASB)
1	RM100 - RM199	400 pemegang unit yang pertama	2
2	RM200 - RM499	500 pemegang unit yang pertama	10
3	RM500 - RM999	600 pemegang unit yang pertama	20
4	≥RM1000	700 pemegang unit yang pertama	50


(Nota: Sekiranya unit amanah ASB pemegang unit telah mencapai maksimum pelaburan, hadiah duit raya akan dimasukkan ke dalam unit amanah ASB 2 (jika ada) atau akaun bank pemegang unit yang telah didaftarkan dengan pihak ASNB)

5. Pemegang unit dikira tidak layak untuk memenangi hadiah duit raya daripada ASNB sekiranya pemegang unit membuat transaksi jualan balik sepanjang Tempoh Kempen sehingga 30 Jun 2024.
6. Duit raya dalam bentuk unit amanah ASB akan dikreditkan ke akaun pemegang unit yang berjaya dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja (Isnin hingga Jumaat tidak termasuk cuti umum), selepas tamat Tempoh Kempen.
7. Setiap pemegang unit layak menerima hanya satu (1) hadiah duit raya bagi pelaburan dalam unit amanah ASB/ASB 2 sepanjang Tempoh Kempen. Hadiah berbentuk unit amanah tidak boleh ditukar kepada wang tunai. Pihak ASNB berhak secara mutlak menggantikan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama.
8. Dengan menyertai Kempen ini, pemegang unit telah bersetuju dengan terma dan syarat Kempen ini. Keputusan senarai pemenang adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
9. Kempen akan ditamatkan sebaik sahaja semua pemenang untuk semua tahap telah dipilih oleh pihak ASNB atau setelah Tempoh Kempen berakhir, mana-mana yang lebih awal.

Bagi pelaburan dalam mana-mana portfolio Ria

Kelayakan

1. Pemegang unit yang membuat **pelaburan minimum sebanyak RM100** dalam mana-mana portfolio RIA ("RIA") melalui aplikasi myASNB semasa Tempoh Kempen layak menerima duit raya dalam bentuk baucar *GrabGifts*.
2. Senarai portfolio RIA adalah seperti berikut:
 - i. Sangat Konservatif
 - ii. Sederhana Konservatif
 - iii. Sederhana
 - iv. Sederhana Agresif
 - v. Agresif
 - vi. Sangat Agresif
3. Pemegang unit perlu memasukkan kod rujukan **DUITRAYA** di halaman deposit/pelaburan RIA, seperti di bawah:



Enter Investment Amount

Very Aggressive 1
Current Balance RM1,281.03

RM 0

RM100 RM300 RM500

Referral Code
DUITRAYA

Next

4. Duit raya adalah berdasarkan nilai pelaburan seperti di bawah:

Tahap	<u>Nilai pelaburan untuk setiap deposit* semasa Tempoh Kempen</u>	Jumlah pemenang	Duit Raya daripada ASNB
			(Baucar <i>GrabGifts</i>)
1	RM100 - RM999	3,000 pemegang unit yang pertama	RM25
2	≥RM1000	1,000 pemegang unit yang pertama	RM75

Tiada had jumlah penyertaan dengan nilai pelaburan yang ditetapkan sepanjang Tempoh Kempen. Jika pemegang unit melakukan transaksi Tahap 1 dan kemudian transaksi Tahap 2 dalam Tempoh Kempen, hanya transaksi pertama akan dianggap sebagai penyertaan untuk Kempen dan pemegang unit hanya layak mendapat duit raya Tahap 1.

5. Pemegang unit dikira tidak layak untuk memenangi Baucar *GrabGifts* daripada ASNB sekiranya pemegang unit membuat transaksi jualan balik sepanjang Tempoh Kempen.
6. Pemegang unit yang berjaya akan menerima Baucar *GrabGifts* melalui alamat e-mel yang didaftarkan dengan aplikasi myASNB dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja (Isnin hingga Jumaat, tidak termasuk cuti umum persekutuan) selepas tamat Tempoh Kempen.
7. Setiap pelaburan yang berjaya dianggap sebagai satu (1) penyertaan. Setiap pemegang unit hanya layak untuk memenangi satu (1) unit hadiah sepanjang Tempoh Kempen. Hadiah dalam bentuk Baucar *GrabGifts* tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak ASNB berhak secara mutlak menggantikan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama.
8. Dengan menyertai Kempen ini, pemegang unit telah bersetuju dengan terma dan syarat Kempen ini. Keputusan senarai pemenang adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
9. Kempen akan ditamatkan sebaik sahaja semua pemenang untuk semua tahap telah dipilih oleh pihak ASNB atau setelah tamat Tempoh Kempen, mana-mana yang lebih awal.

Lain-lain Terma dan Syarat

1. Pemegang unit juga bersetuju bahawa melalui penyertaan mereka di dalam Kempen ini, pemegang unit membenarkan ASNB dan ASNB berhak untuk menggunakan nama, butiran peribadi dan gambar pemenang untuk tujuan pemasaran, pengiklanan dan publisiti, menurut peruntukan perundangan berkaitan, tanpa membayar sebarang kos atau pampasan.
2. Semua pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah-hadiah dan Kempen ini.
3. ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB.
4. ASNB berhak untuk menarik semula dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana pemegang unit yang tidak mematuhi terma dan syarat seperti yang dinyatakan dan/atau didapati atau disyaki telah mengganggu proses Kempen atau perjalanan Kempen ini. Gangguan yang dimaksudkan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan sebarang tipu daya, penipuan dan/atau pemalsuan berkaitan dengan Kempen.
5. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh pemegang unit yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan pemegang unit dalam Kempen ini.
6. Terma dan Syarat Kempen ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.
7. Terma dan Syarat Kempen ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.